

RUMAH PAM DAN KOLAM TAKUNGAN PERTAMA DBKL

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa berusaha dan berterusan untuk membangunkan sistem perparitan yang bertujuan mengurangkan risiko banjir di beberapa kawasan yang mudah dilanda banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff sedang menekan butang menandakan kolam air dan kolam takungan dirasmikan.

Kampung Pasir Baru, Petaling, adalah satu kawasan kampung seluas kira-kira 30 ekar. Kawasan ini sering mengalami banjir kilat setiap kali kawasan Lembah Klang mengalami hujan lebat. Penduduk tempatan sentiasa resah dan bimbang menghadapi kemungkinan datangnya banjir terutamanya musim tengkujuh setiap akhir tahun.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff, dalam ucapannya semasa perasmian rumah pam dan kolam takungan air di Kampung Pasir Baru, Petaling, baru-baru ini menyatakan rumah pam yang mula dirancang dari tahun 1996 dengan kos pembinaannya sebanyak RM4juta, dapat disiapkan dalam tempoh yang sesuai lebih-lebih lagi

sebelum musim tengkujuh bulan November ini.

Tambahnya lagi, rumah pam dan takungan banjir di kampung ini, tidak dapat menjamin penyelesaian 100% masalah banjir kilat di kampung ini. Ini adalah kerana keberkesanan rumah pam tersebut bergantung kepada paras air Sungai Klang. Jika paras air terlalu tinggi dan melepasi ketinggian, rumah pam tidak akan berfungsi sebagai mana yang ditetapkan.

Rumah Pam ini mula berfungsi semasa hujan lebat dan sekiranya air Sungai Klang pada paras tinggi, pintu kunci air akan tertutup. Semua aliran dari Kampung Pasir Baru ke kawasan sebelah hulu yang melalui sistem perparitan di kampung ini akan mengalir ke kolam takungan rumah pam. Apabila paras air dalam kolam takungan mencapai paras yang ditetapkan pam akan beroperasi secara automatik untuk mengempam keluar terus ke Sungai Klang melalui satu laluan yang berada pada paras lebih tinggi daripada paras air sungai. Air tidak akan lagi bertakung dan membanjiri kampung seperti yang dialami sebelumnya.

Datuk Bandar Kuala Lumpur menyeru semua penduduk kampung dapat mengangap rumah pam ini sebagai harta milik bersama, menghargai dan menjaganya untuk kebaikan

bersama. Penduduk boleh membantu menjaga kebersihan semua longkang yang terdapat di kampung ini. Sampah sarap hendaklah dibuang kedalam tong sampah yang disediakan dan tidak dibuang ke dalam longkang. Sampah sarap yang dibuang ke dalam longkang akan hanyut dan tersekat di rumah pam. Ini akan mengurangkan keberkesanan dan kecekapan aliran air masuk ke dalam kolam takungan rumah pam.

Satu masalah yang tidak mudah ditangani ialah vandalisme. Penduduk yang tinggal berhampiran dengan rumah pam dapat bekerjasama mengawasi rumah pam dari dicero bohi dan dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Jika berlaku kerosakan kepada rumah pam tentunya ia akan merugikan penduduk setempat.

Dengan terbinanya rumah pam pertama yang dibina oleh DBKL, masalah banjir kilat yang sering melanda Kampung Pasir Baru akan dapat ditangani melalui pembinaan rumah ini.



Rumah Pam dan kolam takungan pertama yang dibina oleh DBKL



Pusat Aktiviti Bantu Pelajar	4
Larian Baton Peringkat Kuala Lumpur	5
Menandatangani MOU Antara DBKL Dengan Kelab Lions	6
PPR Memenuhi Keperluan Perumahan	7
LA NINA -DBKL Sudah Bersedia	8-9
Jadikan Notis Pengajaran Berguna	10-11
Konsert Klasik Malaysia	12
Malam Di Kuala Lumpur	13-14
Undang-Undang Kecil Iklan	15
Album DBKL	16-17
KBI Beri Nafas Baru	18

Kanangan



Tahniah Dan Dalam Kenangan	19
DBKL Peningkatkan Prestasi Kakitangan	20
Bandar Selamat-Bangsar Projek Perintis	21
Kuala Lumpur Galakkan Gaya Hidup Sihat	22-23
Love Our Drains And Rivers	24-25
Commonwealth Games Baton Run At Kuala Lumpur	26
Treat Notice As A Useful Lesson	27-28
Perkhidmatan Kesihatan Sekolah	29-30
Makro Di Cheras	31
Gotong-Royong Pupuk Semangat Kejiranan	32

Sidang Pengarang

Penasihat :
Sanusi Bin Samid

Editor:
Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :
Zainon Bt. Hj. Alias

Jurufoto :
Mubarak Mohd Atan
Abdul Rani Mohd Sohor
Md. Ismail Isnin
Nik Rozali Nik Othman

Edaran:
Ramlan Salleh

SUMBANGAN :

Kakitangan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur adalah digalakkan
menyumbang sebarang berita,
rencana, karikatur mengenai aktiviti
Jabatan di dalam Suara DBKL.
Sumbangan anda boleh
disampaikan kepada :-

Editor
Suara DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
atau berhubung dengan
Puan Zainon Bt. Hj. Alias
Tel: 03-2916011 samb.3855
Faks: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam
Suara DBKL tidak semestinya pendapat
rasmi Pentadbiran Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur.

Rekabentuk dan Cetakan
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin 50554
Kuala Lumpur

Hot Line 24 jam Jabatan-Jabatan DBKL

Unit Kecemasan 24 jam 9843434
JKPembersihan Bandar 9843636

Hot Line 24 jam 4244424
Direktorat Penguatkuasaan 4244426

Skuad Penyelamat 4220033
Direktorat Penguatkuasaan 4220055

Aduan Awam 2934531
2993862

Bilik Gerakan 24 jam 2912112
JPengurusan Perumahan 2911686

PERUBAHAN SISTEM TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN

Belanjawan Negara 1999 yang dibentang oleh Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan 1, Y.A.B Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dianggap sebagai belanjawan untuk mencergaskan ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat daripada kesan ancaman krisis kewangan serantau.

Dalam Belanjawan 1999, Kerajaan telah mencadangkan mulai tahun 2000, cukai akan ditaksir atas pendapatan tahun semasa.

Pada masa ini terdapat dua dasar taksiran cukai. Dasar taksiran pertama melibatkan pembayar cukai yang telah bekerja sebelum pelaksanaan Potongan Cukai Berjual (PCB) dalam tahun 1995, di mana mereka ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun sebelumnya. Contohnya, cukai tahun taksiran 1998 ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1997.

Dasar taksiran kedua, melibatkan pembayar cukai yang mula bekerja selepas pelaksanaan PCB iaitu dalam tahun 1995. Mereka ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun semasa. Contohnya, cukai atas tahun taksiran 1998 ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1998.

Dengan Belanjawan 1999, pembayar cukai dalam golongan pertama tidak akan ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1999. Mulai tahun 2000, mereka akan ditaksir atas pendapatan yang diterima dalam tahun 2000.